

## Variasi-variasi dalam Dialek Tsou

PAUL LI JEN KUEI

### 1. PENGENALAN

Bahasa Tsou merupakan salah satu bahasa Austronesia yang dituturkan di kawasan Gunung Ali (阿里山), selatan Formosa.<sup>1</sup> Terdapat tujuh kampung Tsou di desa Wufeng (吴凤乡), daerah Chiayi (嘉义县): Tapangu (达邦), Nia?ucna (里佳) (atau Nibiei), Saviki (山美), Sinvi (新美), Cayamavana (茶山), Dadauya (乐野) dan Punguu (来吉) (atau Dadangia), dan sebuah kampung kecil di desa Hsin-yi, daerah Nant'ou (南投县), iaitu Mamahavana (久美). Empat kampung yang pertama menuturkan dialek Tapangu; tiga kampung lagi menuturkan dialek Tfuea; dan kampung yang terakhir menuturkan dialek Duhtu. Jumlah penutur bahasa Tsou ialah sekitar 3,000 orang.

Pengkaji-pengkaji lepas yang membuat penelitian tentang bahasa Tsou termasuk Ogawa dan Asai (1935: 669-691), Nevskij (1935), Lin (1955), Tung (1964), Starosta (1969, 1974) dan Tsuchida (1972, 1976). Makalah ini ditulis dengan menggunakan data Tung (1964), termasuk makalah Dyen (1971a.b) dan Ho (1976). Pada umumnya makalah ini ditulis berdasarkan data lapangan yang dikumpulkan oleh penulis sewaktu melakukan dua kali kunjungan ke kampung yang berbahasa Tsou iaitu Tapangu dan Mamahavana (Duhtu) pada musim panas, 1978.<sup>2</sup>

Tujuan utama makalah ini ialah untuk menerangkan dengan lebih terperinci perbezaan antara kepelbagaian dialektal Tsou, dibandingkan dengan terbitan yang sedia ada. Penulis yakin bahawa variasi dalam peringkat umur dan dialek yang berbeza menunjukkan bahasa ini berada dalam keadaan punah. Selain itu, ketidakseragaman transkripsi antara Tung dengan penulis dan fonologi Tsou yang dikaji oleh peneliti lepas juga akan dibincangkan.

### 2. PERBEZAAN DIALEK TSOU

Pernah suatu ketika dahulu bahasa Tsou mengandungi empat dialek, iaitu Tapangu, Tfuea, Duhtu dan Iimicu; namun dialek Iimucu telah pupus (Tung 1964:2). Seperti yang dicatatkan dalam Tung (1964: 3), tiga dialek yang masih wujud mempunyai perbezaan kecil dari segi ciri fonologi dan leksikal dan hampir tiada perbezaan tatabahasa.

## 2.1 KESEPADANAN BUNYI DALAM DIALEK TSOU

Ogawa dan Asai (1935: 671; selanjutnya OA) percaya bahawa terdapat dua dialek utama dalam Tsou dan menyatakan kesepadanan bunyi kedua-dua dialek adalah seperti berikut:

Duhtu	Gunung Ali	
	Tapangu	Tfuea
ʃ	j	j
z	j	z/z

Bentuk yang seperti j songsang, iaitu (ʃ) dalam Duhtu ditranskripsikan oleh Tung, Tsuchida dan penulis sebagai /r/, yang merupakan bunyi retrofleks berterusan berserta sedikit bunyi geseran. Bunyi ini dijelaskan oleh Tsuchida (1976:86) sebagai [r̠], sama seperti bunyi retrofleks bersuara kurang geseran berterusan dalam bahasa Inggeris. Menurut deskripsi OA (hlm. 672), simbol fonetik [z] dan [z̠] adalah dua alofon, manakala menurut Tung (1964:8), [z, ʒ, z̠] adalah alofon untuk fonem /z/. Simbol /j/ adalah bunyi semivokal [j] dan ditranskripsi sebagai /i/ atau /e/ oleh Tung dan Tsuchida. Namun demikian, telah ada bukti yang cukup untuk membezakan perbezaan fonemik di antara semivokal /y/[j] dan vokal /i/ atau /e/; lihat Ho (1976).

Tung (1964:18) menyentuh perbezaan sistem konsonan ketiga-tiga dialek ini dengan menyenaraikan enam varian yang menunjukkan /i/ dalam dialek Tapangu sepadan dengan /z/ dalam dialek Tfuea dan Duhtu. Di bahagian lain, beliau (Tung 1964: 20-21) membincangkan permasalahan /r/ dalam dialek Duhtu sepadan dengan /e/ dalam dialek Tapangu dan Tfuea, namun beliau tidak memberi penyelesaian kepada hal tersebut.

Bagi penulis, baik Ogawa dan Asai mahupun Tung tidak mendedah dengan memadai perbezaan dialektal yang wujud dalam dialek Tsou. Dengan pemeriksaan yang berhati-hati, penulis menemukan bahawa kesepadanan di antara dialek-dialek ini boleh ditandakan dengan tepatnya seperti berikut:

Tapangu	Ffuea	Duhtu
i / C / C	(i) z	(i) z
ø / o/iC <sub>0</sub>		
e y / {# } / {V} V	y / {# } / {V} V	r
ø / e / e	ø / e / e	

Terdapat dua perbezaan dialektal dalam dialek Tsou: (1) /z/ atau /iz/ dalam dialek Tfuea dan Duhtu sepadan dengan /i/ ataupun kosong (/ø/) dalam dialek Tapangu, dan (2) /r/ dalam dialek Duhtu sepadan dengan /e/, /y/ atau kosong (/ø/) dalam dialek Tapangu dan Tfuea.

## 2.2 KESEPADANAN /i)z/ DENGAN /i/.

Daripada 1000 item (kata) yang penulis kumpulkan, terdapat lebih dari 40 kata yang menunjukkan /i/ dalam dialek Tapangu sepadan dengan /z/ dalam dialek Tfuea dan Duhtu; lihat Senarai 1 berikut. /z/ dalam dialek Tfuea dan Duhtu kerap muncul selepas bunyi konsonan dan sebelum bunyi vokal, kecuali untuk kata ‘amat berbisa’<sup>3</sup> (16) dan ‘sejenis burung peramal (*omen bird*)’ (37), yang mana ia muncul sebelum bunyi konsonan. Terdapat tiga hingga empat kes yang /z/ dalam dialek Tfuea dan Duhtu muncul di antara vokal dan sepadan dengan kosong (/ø/) dalam dialek Tapangu, iaitu ‘kebiasaannya’(21), ‘menahan’(30), ‘mengenai sasaran’(35) dan ‘melalui’(39), dalam keadaan *i\_a* ataupun *i\_i*. Terdapat kes yang, contohnya pada kata ‘dinding’(13) dan ‘*mole* (sejenis tikus)’ (4), /z/ dalam dialek Tfuea dan Duhtu sepadan dengan kosong (ø) dalam Tapangu selepas bunyi konsonan, tetapi suku kata sebelumnya mengandungi vokal /i/.<sup>4</sup> Jadi dapat diduga bahawa /i/ dalam dialek Tapangu yang sepadan dengan /z/ dalam Tfuea dan Duhtu telah hilang. Bandingkan *se?icha* (dialek Tapangu) dan *se?icha* (dialek Tfuea) ‘dua ratus’, di mana /i/ hilang dalam dialek Tapangu berikutan terdapat /i/ dalam suku kata sebelumnya.

Adalah lebih sukar untuk menjelaskan keadaan kesepadanan fonologikal dalam dialek Tapangu daripada dialek Tfuea ataupun Duhtu.

Dari segi linguistik sejarawi, isu ini memerlukan kita menentukan sama ada berlakunya perubahan \*i > z ataupun \*z > i. Dengan melihat kepada persoalan ini dari sudut lain, iaitu dialek mana (Tapangu atau Tfuea dan Duhtu) yang mengalami inovasi? Menurut Tsuchida (1972:27), perubahan i > z telah berlaku pada dialek Duhtu (dan seterusnya pada Tfuea juga). Keadaan fonetik untuk perubahan bunyi seperti yang ditegaskan beliau, iaitu: “when [*\*i is*] preceded of followed by a consonant in an unaccented syllable”, contohnya, PHN \*taNiu[D] > tahzúcu ‘sirih’.

Namun demikian, adalah kurang tepat dikatakan bahawa /z/ dijelmakan dari \*i (dalam dialek Tapangu) daripada /i/ dijelmakan dari \*z (dalam Tfuea dan Duhtu). Sehubungan itu, adalah lebih tepat menetapkan z > i. Pada umumnya, Duhtu lebih mengekalkan bentuk purba daripada dialek-dialek lain. Dalam sesetengah bentuk, /iz/ dalam Duhtu sepadan dengan /z/ dalam Tfuea dan /i/ dalam Tapangu, contohnya *tote?iza* ‘tandas’ (11). *?ormiza* ‘telah melihat’ (12), *emizo* ‘betul’ (17), *rohizə* ‘ditakuti’ (20). Kemudian derivasi sejarawi untuk bentuk ini dalam Tapangu merangkumi perubahan: iz > z > i. Tfuea mengekalkan /iz/ hanya dalam bentuk baru, contohnya *mahiz?o* ‘berbisa’(16), *amiza* ‘terbiasa’(21). Perubahan dalam Tapangu bukan hanya pada z > i, malah juga

kehilangan bentuk ini, seperti dalam kata *kwafeiʔa* ‘sejenis tikus’(4), *toŋhifa* ‘dinding’(13). Secara ringkas, keadaan fonetik dialek Duhtu dapat diringkaskan seperti berikut:

- (1)  $z > \emptyset/iC_0\_$  ( $C_0$  bermaksud sederet kosong ataupun konsonan-konsonan)  
 Contohnya No. 13, 35
- (2) (i)  $z > i/C\_$  Contohnya No. 1,2,3  
 (ii)  $/\_C\_$  Contohnya No. 37

Rumus (2a) sesuai digunakan pada kebanyakan contoh (kes), dan (2b) hanya pada satu kes, iaitu No. 37, daripada data yang diperoleh. Rumus (1) diaplikasikan dalam beberapa kes dan ia kelihatan mempunyai satu kekecualian dalam dialek Tapangu pada kata *hihifia* ‘sarang’ (38), seperti yang dijangkakan, adalah dari kata purba \**hihifa*; bandingkan dengan *toŋhifa* ‘dinding’ (13) dalam dialek Tapangu. Perlu dicatatkan bahawa istilah ‘dikeringkan dengan matahari’ (29) adalah terkecuali dari rumus di atas, sesungguhnya ia juga adalah satu kekecualian dalam aturan rumus, (lihat 2.5 berikut). Kalau keadaan fonetik tersebut diterapkan dalam dialek Tapangu, ianya menjadi lebih kompleks dan No. 29 masih menjadi satu kes kekecualian. Tambahan lagi, adalah agak sukar untuk membatasi rumus ini kepada bentuk yang disenaraikan dalam II, No. 45-48.

Kesepadanan i-i-i dalam ketiga-tiga dialek ini muncul berdampingan dengan bunyi konsonan, misalnya ‘kawan’ (45) dan ‘dikeringkan dengan matahari’ (46); lihat Senarai II berikut. Kesepadanan z-z-z muncul pada posisi antara vokal. Contohnya ‘api’ (49), ‘babi hutan’ (50) dan ‘menghayun’ (51), atau di awal kata sebelum bunyi vokal, contohnya (57), (59), (66); (lihat Senarai III). Ini adalah kerana kekangan fonostatik dalam dialek Tapangu. Seperti yang dinyatakan oleh Tung (1964:14), iaitu /z/ tidak menyertai sebarang gugusan konsonan dalam Tapangu.

/ø/

I	Tapangu /i/	Tfuea /iz/	Duhtu /iz/	
1.	tahía	táhza	tahíza	‘kacang’
2.	tahiúcu	tahzúcu	tahzucu	‘sirih’
3.	omía	omza	omza	‘pedalaman, di atas, bahagian atas’
4.	kwafeiʔa	kwafeiʔza	kwafriʔa	‘sejenis tikus ( <i>mole</i> )’
5.	hohiu	hohzu	hohzu	‘sejenis lebah kecil’
6.	ciou	czou	czou	‘nama sejenis ikan’
7a.	cioʔə	czoʔə	cizoʔə	‘biuh’
7b.	suo-cioʔə	suo-czoʔə	suo-cizoʔə	‘batuk’
8a.	meŋju	méŋzu	méŋzu	‘tombak-untuk menusuk ikan’

8b. toʔsimeŋju	toʔsimeŋzu	toʔsimeŋzu	‘menusuk ikan dengan tombak’
9a. keŋju	keŋzu	keŋzu	‘membengkokkan, mengkelokkan’.
9b. mokeŋju	mokeŋzu	mokeŋzu	‘berubah arah’
9c. tikeŋjwa	tikeŋzwa	tikeŋzwa	‘membengkokkan’
10. thoʔhoʔia	thoʔhoʔza	thoʔhoʔza	‘buahian, ayunan’
Bandingkan: tohʔuzu	tohʔuzu	tohʔuzu	‘mengayun, membuai’
11. toteʔia	toteʔza	toteʔza	‘tandas’
12. ʔoyomia	ʔoyomza	ʔormiza	‘gergaji’
13. toKhifia	toKhifza	toKhifza	‘dinding’
14. yopuepia	yopuepza	roprepza	‘mengipas’
15. duyamamia	duyamamza	duramamza	‘malas’
16. mahiʔo	mahizʔo	mahizʔo	‘berbisa’
17. emio	emzo	emizo	‘betul’
18. amamio	amamzo	amamzo	‘sakit, demam’
19. mumio	múmzo	múmzo	‘dijerat’
20. yohiə	yóhza	rohíza	‘ditakutkan’
21. amia	amíza	amíza	‘terbiasa’
22. maʔtutumio	maʔtutumzo	maʔtutumzo	‘risau’
23. fəcəʔia	fəcəʔza	fərcəʔza	‘putih’
24. cohiona	cohzona	cohzona	‘tengahari’
25. tumio	tumzo	atutumzo	‘kerana’
26a. seʔconia	seʔcónza	seʔcónza	‘seratus’
26b. ʔconia	ʔcónza	ʔcónza	‘bulan pertama’ (Tung 1964:18)
27. mimia	mímza	mímza	‘kita (incl)’
28. yuniou	yunzou	runzou	‘membakar’
29. póei matahari’	póezi	pórzi	‘dikeringkan oleh
30. eepia	eepza	reepiza	‘menghalang’
31. ʔosioyu	ʔoszoyu	ʔosizoru	‘menjerit’
32. toniovi	tonzovi	tonzovi	‘mencuci piring’
33. somiə	somzə	somzə	‘layu’
34. tataʔia	tataʔza	tataʔza	‘mengagumi’
35. smii	smizi	smizi	‘teragak-agak
36. taʔmia	taʔmiza	taʔmiza	‘mengenai sasaran’
37. waimə	wazmə	wazmə	‘sejenis burung (burung “petanda”)
38. hihifia	hihifza	hihifza	‘sarang babi hutan’
39. scaefia	scaefiza	scaefiza	‘melalui’
40. smomio	smomzo	smomzo	‘bangun dari tidur’
41. hio	hzoo	hzoo	‘roh’

42. nǰipía	nǰipza	nǰipza	‘berlumut, berkulat’ (Tung 1964:18)
43a. amii	amzi	-	‘sempadan, beban’
43b. tamii, tamia	tamzi, tamza	-	‘sempadan’
44. amiocni	amzocni	amzocni	‘senyap’
<b>II Tapangu /i/</b>			
45. naŋhia	naŋhia	naŋhia	‘kawan’
46. poaoyimiŋmia	poaoyimiŋmia	poaormiŋmia	‘dikeringkan dengan matahari’
47. foinana	foinana	foinana	‘orang muda’
48. nianuanŋo	nianuanaŋo	nianuanŋo	‘purba’
<b>III Tapangu /z/</b>			
49a. puzu	puzu	puzu	‘api’
49b. pupuzu	pupuzu	pupuzu	‘dapur’
50. fuzu	fuzu	fuzu	‘babi liar’
51. tohŋuzu	tohŋuzu toŋhuzu	tohŋuzu	‘mengayun’
52. kukuzo	kukuzo	kukuzo	‘rumput’
53. siaizonə	-	siaizonə	‘air terjun’
54. hiaemoza	hiaemoza	hiarmuza	‘sejenis binatang yang memakan semut’
55. toezana	toezana	toezana	‘sejenis ular (tidak berbisa)’
56. noŋeoza	noŋeoza	noŋorza	‘sejenis ular air (tidak berbisa)’
57. zomə	zomə	zomə	‘burung’
58. tuŋeoza	tuŋeoza	tuŋroza	‘belut’
59. zuu	zuu	zuu	‘sejenis lebah’
60. yoizomə	yoizomə	roizomə	‘lalat’
61. huaeza	-	huarza	‘sejenis tikus’
62. nazua	nazua	nazua	‘pakaian, cadar’
63. feézo, fézo	feezo	ferzo	‘jarum’
64. kazu	kazu	kazu	‘bekas bulat yg tinggi dan bermulut luas (dibuat drpd kaca, tembikar dsb).’
65. aezuhu	aezuhu	aezuhu	‘berubah’
66. zotekcə	zotekcə	zotekcə	‘menekan’
67. -	covézoza	cvəroza	‘kasihan’
68. kosŋoza	kosŋoza	kosŋoza	‘udang’
69. zou	zou	zou	‘ya’

2.3 KESEPADANAN /r/ DENGAN /e/

Secara sejarawi, /r/ (berasal dari PAN \*I) dikekalkan hanya dalam dialek Duhtu. Secara kenyataan, bunyi ini hanya dikekalkan pada penutur yang berumur 70 ke atas dan penulis hanya menemukan seorang penutur yang masih hidup pada tahun 1978. Konsonan /r/ telah bertukar menjadi /e/ (/y/ atau hilang) di kalangan penutur muda di kampung Duhtu; rujuk huraian Tsuchida (1976: 84-85) tentang tiga corak penutur di kampung ini.<sup>5</sup> Dengan nyata, perubahan yang sama berlaku lebih awal pada dialek Tapangu dan Tfuea.

Contoh dalam senarai IV di bawah menunjukkan /r/ dalam dialek Duhfu sepadan dengan /e/ dalam dialek Tapangu dan Dfuea sekiranya: bunyi ini wujud berdampingan dengan bunyi konsonan, contohnya (2), (4), (7), (8); atau antara i\_i contohnya (64), (65), (66); kepada /y/ di posisi antara vokal, contohnya, (5), (16), (20), (22), (23), (48), (50); atau di awal kata sebelum bunyi vokal, contohnya (1), (37), (53). Sekiranya /r/ muncul berdampingan dengan /e/, /e/ biasanya akan hilang ataupun menjadi vokal panjang, contohnya (27), (30), (38), (52), (55), (58), (60). Dalam erti lain, asal-usul /r/ untuk semua dialek Tsou kecuali dialek Duhtu yang dituturkan golongan tua adalah dari langkah seperti berikut:

r > e/C\_, C, i\_i  
 > y/V-V (kecuali i\_i), #\_V  
 > ø/e\_, e

IV { Tapangu { /e/ ø Duhtu /r/  
 { Tfuea { /y/

- |              |          |                         |
|--------------|----------|-------------------------|
| 1. yaptə     | raptə    | ‘kulit pohon’           |
| 2. beachi    | brahci   | ‘buah’                  |
| 3. ʔuŋyái    | ʔuŋrái   | ‘nenas’                 |
| 4. ehúfu     | rhufu    | ‘pokok palma’           |
| 5. oyu       | oru      | ‘sejenis buluh’         |
| 6. ŋéi       | ŋríi     | ‘gentian hem’           |
| 7. seoŋə     | ‘sroŋə   | ‘pohon pinus’           |
| 8. éçŋi      | rcíŋi    | ‘sejenis kacang’        |
| 9. fəesə     | fərsə    | ‘beras’                 |
| 10. náveu    | návru    | ‘nasi yang sudah masak’ |
| 11. hohʔeəca | hohʔərca | ‘pulut’                 |
| 12. fʔúe     | fʔúre    | ‘ubi keledak’           |
| 13. ucéi     | úcri     | ‘ubi keladi’            |
| 14. ŋəceə    | ŋəcrə    | ‘batang keladi’         |
| 15. (e)misi  | (r)misi  | ‘akar’                  |

16. hioyapo	hiorapo	'biji benih'
17. háeŋu	harŋu	'sejenisalang'
18. véiyó	vriyo	'sejenis rumput— <i>Thin Miscanthus</i> '
19. kəyupa	kəpa	'kapas, rumpai'
20. koyu	koru	'kulat'
21. ketəe	kretəe	'sejenis kulat yang berbentuk telinga'
22. knuyu	knuru	'ruas di kayu'
23. taemoyu	tarmoru	'sejenis ubi— <i>discorea rhipogonioides Oliv.</i> '
24. yuvahi	ruvahi	'tunas yang tumbuh dari ranting kayu'
25. hofu	rhofu	'sejenis pakis— <i>Asplenium nidus</i> '
26. ʔeu	ʔruu	'sejenis pohon yang berbisa— <i>Laportea tree nettle</i> '
27. tezo, teezo	terzo	'sejenis keladi— <i>Alocasia macrorrhiza</i> , tempuling'
28. teofŋa	trofŋa	'kucai'
29. féufeú	frúfru	'asap'
30. veŋi, veeŋi	verŋi	'obor api'
31. hapuyu	hapuru	'limau'
32. feóŋo	froŋo	'gua'
33. meipéipi	mriprípi	'kabus'
34. mviécə	mvərcə	'kabut tebal'
35. céowa	crówa	'tanah'
36. fuefuʔu	furfuʔu	'pasir'
37. ʔp. yompuhu	rompúhu	'debu' Tf. yonpuhu
38. hie	hire	'matahari'
39. feohə	frohə	'bulan'
40. coŋeoha	coŋroha	'bintang'
41. fueŋu	furŋu	'gunung (dengan hutan)'
42. eŋʔə	rəŋʔə	'gunung (dengan semak)'
43. hcuyu	hcuru	'bukit'
44. ecuu	rcuu	'kolam'
45. cʔəha	cʔrha	'sungai'
46. fofehva	fofrohva	'parit, longkang'
47. twaphoyu	twaphoru	'tebing'
48. moyiʔhocə	moriʔhocə	'kilat'
49. hioyu	hioru	'pelangi'
50. tnəyə	tnərə	'hujan ribut'
51. síyu	síru	'garam'



52. meeméno	mremréno	‘besi’
53. yúho	rúho	‘salji’
54. káceo	kácro	‘batu api’
55. poepe	porepe	‘angin’
56. motóevi	motorvi	‘gempa bumi’
57. piepiya	pirpira	‘semangat’
58. eepa	reepa	‘lipan’
59. eobako	reobako	‘pukul’
60. kei	krei	‘tahi mata’
61. emi	remi	‘arak’
62. eʔe	reʔe	‘kata, bahasa’
63. eduna	reduna	‘memalu gendang’
64. fʔei	fʔiri	‘penyakit goiter’
65. piKei, pKíei	pKiri	‘menutuk’
66. takiéiKi	takiriKi	‘sudu’
67. ʔeisi	ʔirisi	‘bekas bulat yg tinggi dan bermulut luas’
68. sapíei	sapiri	‘kasut’

## 2.4 VARIASI DALAM PERBEZAAN USIA

Penutur muda dialek Tapangu dan Tfuea cenderung menggugurkan vokal /e/ pada awal kata, yang mungkin dijelma dari bunyi purba /r/ berserta dengan vokal. Contohnya cara penyebutan golongan tua untuk *harimau bintang* ialah e"uho; manakala golongan muda menyebutkannya sebagai "uho. Sesungguhnya, mungkin terdapat dua varian dalam penyebutan golongan muda. Tung (1964:439-620) cuma menyenaraikan varian-varian tersebut tanpa penghuraian. Contoh tambahan untuk varian-varian dalam dialek Tapangu, Tfuea dan Duhtu adalah seperti berikut:

Tapangu & Tfuea	Duhtu	
1. ehəŋə ~ həŋə	həŋə	‘daun’
2. hofu	rhofu	‘sejenis pakis— <i>Asplenium nidus</i> ’
3. etəpə ~ təpə	təpə	‘laut’
4. esəə	rsəə ~ səə	‘air mata’
5. eʔepi ~ ʔepi	rʔepi	‘parut’
6. eməfŋə ~ məfŋə	məfŋə	‘bersembunyi’
7. emucu ~ mucu	mucu	‘lengan’
8. evisi	visi	‘tali busur’
9. emoo ~ moo	rmoo	‘rumah’
10. eyopoepe ~ yopoepe	ryopoepe	‘kipas’
11. emisi ~ misi	rmisi ~ misi	‘akar’

12. efucu ~ fucu	fucu	‘guni, buah zakar’
13. evasəzə ~ vasəizə	rvasizə	‘jalan bersama’
14. ehufu ~ hufu	rhufu	‘pokok palma’
15. ecuu ~ cuu	rcuu	‘kolam’

Penyebutan /r/ dan /e/ yang tidak tetap di kalangan penutur Duhtu, seperti yang dicatatkan dalam Tung (1964: 20-21), jelas menandakan bahawa bahasa ini sedang mengalami perubahan. Kita boleh mendapat gambaran yang jelas melalui perspektif linguistik perbandingan. Ia bukanlah suatu “masalah yang belum diselesaikan”, seperti yang didakwa oleh Tung.

#### 2.5 KRONOLOGI $z > i$ DAN $r > e$

Jika andaian bahawa bunyi 1)  $z > i$  dan 2)  $r > e$  adalah betul, masalah seterusnya ialah urutan penggunaannya. Terdapat tiga kemungkinan, iaitu: 1) sebelum 2), 1) selepas 2), dan 1) dan 2) secara serentak.

Dengan menguji kata *huarza* (Duhtu) : *huaeza* ‘tahi lalat’ (Tapangu), *ferzo* (Duhtu) : *fe(e)zo* ‘jarum’, sangat jelas memberitahu kita bahawa perubahan  $r > e$  berlaku sebelum  $z > i$ . Rumus untuk bentuk ini ialah seperti berikut:

Huarza	ferzo
↓	↓
huaeza	feezo ( $r > e$ )
↓	↓
huaeza	fezo ( $z > i/C$ tidak relevan)

Kalau peraturan rumus ini disongsangkan, akan mewujudkan bentuk substandard (*ill form*) iaitu *\*huaria* dan *\*ferio*.<sup>6</sup>

Terdapat sedikit persoalan kalau kita mempertimbangkan bentuk dialek Duhtu—*porzi* : Tfuea—*poezi* (atau *poyzi*) : Tapangu—*poei* (atau *poey*) ‘dikeringkan oleh matahari’. Dengan menerapkan rumus  $r > e$  ke bentuk *porzi* dalam dialek Duhtu, kita dapat mengetahui bahawa bentuk *poezi* (atau *poyzi*) dalam dialek Tfuea adalah berasal dari /r/. Rumus  $z > i$  hanya boleh diterapkan pada bentuk *poyzi* (tetapi bukan pada bentuk *poezi*) supaya menghasilkan *\*poyii*, yang tidak betul-betul sama seperti bentuk *poezi* (atau *poey*) dalam dialek Tapangu, seperti yang kita harapkan. Kalau mula-mula kita menerapkan rumus  $z > i$ , kita akan memperoleh bentuk *\*porii* yang tidak dimiliki oleh dialek Tfuea dan Tapangu. Kalau kita menerapkan rumus  $r > e$  selanjutnya kepada *\*porii*, kita akan menghasilkan bentuk *\*poeii* yang sangat dekat dengan bentuk dalam Tapangu, walaupun kita tidak boleh menghasilkan bentuk dialek Tfuea dengan cara begini. Bagaimana rumus ini dapat diterapkan dengan tepat dalam varian-varian dialek ini? Ianya adalah persoalan yang memerlukan kajian lanjut. Tapi sekurang-kurangnya, perubahan bunyi  $r > e$  (lihat 2.3 dan Tung (1964: 20-21))

dalam dialek Duhtu, di mana *z* tidak berubah kepada *i*, memberi kepastian bahawa kronologi untuk perubahan kedua-dua bunyi ialah: (1) *r* > *e* mendahului (2) *z* > *i*.

#### 2.6 KESAN BUNYI TEKANAN KE ATAS PERUBAHAN BUNYI

Bunyi tekanan lazimnya terdapat pada suku kata praakhir dalam Duhtu, contohnya *ráptə* ‘kulit pohon’, *bəvnə* ‘bunga’, *moriʔhócə* ‘kilat’. Kelaziman ini akan dikekalkan sehingga tekanan beralih kedudukannya secara automatik ke suku kata kedua dari akhir setelah perubahan bunyi (contohnya dari konsonan ke vokal *z* > *i*) berlaku pada dua suku kata terakhir, contohnya *tahíza* (Duhtu), *táhza* (Tfuea), *tahía* (Tapangu) ‘kacang’; *fərsə* (Duhtu), *fəesə* (Tapangu dan Tfuea) ‘beras’. Lihat Senarai I untuk contoh-contoh lain, seperti dalam No. (3), (8), (23), (26).

Penekanan umumnya boleh dikekalkan jika kontras fonemik di antara bunyi semikonsonan dan vokal dibina dalam Tapangu dan Tfuea. Kalau tidak, perubahan bunyi *r* > *e* mungkin mengganggu corak penekanan. Contohnya:

Duhtu	Tapangu dan Tfuea		
	I	II	
1. kóru	kóyu	kóeu	‘telinga, cendawan’
2. návru	návew	náveu	‘memasak nasi’
3. símro	símew	símeo	‘daging yang berlemak’
4. pórzy	Tp. póey Tf. pózyi	póei póezi	‘dikeringkan dengan matahari’
5. ŋáro	ŋáyo	ŋáeo	‘mulut’
6. tʔóŋja	tʔóyja	tʔóeja	‘dada’
7. svərə	svəyə	svəeə	‘subang’
8. ezóré	ezóyə	ezóeə	‘ladang’

Bandingkan transkripsi di kolom I dan II di atas. Status fonemik semikonsonan dikenalpasti di Kolum I manakala tidak pada Kolum II. Sementara penekanan masih pada bunyi kedua terakhir dalam I, ia beralih posisi ketiga terakhir dalam II, yang menghancurkan corak penekanan yang lazim.

Namun demikian, dalam banyak keadaan, bunyi yang dijelma dari \**r* lebih berupa vokal *e* daripada semikonsonan *y*, termasuk yang berlaku bersebelahan dengan sesuatu konsonan seperti *póezi* ‘dikeringkan dengan matahari’ dan *tʔóeja* ‘dada’. Sekiranya *e* ditafsir sebagai *y* dalam bentuk ini, ia akan menyimpang dari rumus *r* > *e* / *\_C*, *C\_*; *y* / *V\_V*, *#\_V*, seperti yang dinyatakan dalam §2.3. Kalau kita terikat dengan rumus ini, penekanan akan berada pada bunyi ketiga dari akhir untuk bentuk ini dalam dialek Tapangu dan Tfuea. Terdapat banyak contoh yang berkaitan dengan bentuk ini, misalnya (Duhtu) *pírŋi*: (Tapangu.) & (Tfuea.) *píŋi* ‘larva, (Duhtu.) *cərcə*: (Tapangu.) & (Tfuea.)

*cərcə* ‘rendah’. Untuk keterangan lanjut, lihat senarai IV, No.14,17,18, 29,35,45,54,56,64,66,68.

### 2.7 KEPELBAGAIAN VARIAN DALAM DIALEK

Beberapa bentuk kesepadanan yang tidak regular ditonjolkan dalam bentuk leksikal seperti berikut:

Tapangu	Duhtu	
1. <i>yompuhu</i>	<i>ronpuhu</i>	‘debu’, bandingkan Tfues ( <i>yunpuhu</i> )
2. <i>edapdoʔko</i>	<i>edakdoʔko</i>	‘apple Adam’
3. <i>biebiimi</i>	<i>birbiŋi</i>	‘mencari’
4. <i>mviecə</i>	<i>mvərcə</i>	‘kabut’
5. <i>evasəzə</i>	<i>rvasizə</i>	‘menemani, berjalan bersama’.
6. <i>iifi</i>	<i>sfii</i>	‘sejenis ular’
7. <i>teoŋəta</i>	<i>tronəta</i>	‘batu asah’
8. <i>esbəbukya</i>	<i>esbabuka</i>	‘punca air’
9. <i>tonci”u</i>	<i>tonciru</i>	‘tikus’
10. <i>ŋtəsə</i>	<i>ŋtəsə</i>	‘warna rambut yang kelabu’
11. <i>yoicəŋhə</i>	<i>rocəŋhə</i>	‘joran’
12. <i>hiaemoza</i>	<i>hiarmuza</i>	‘tenggiling’
13. <i>monoiei</i>	<i>monoyuri</i>	‘sarung parang’

Asimilasi mungkin berlaku pada sesuatu bentuk dalam satu dialek, tetapi tidak berlaku pada dialek yang lain. Ini menyebabkan munculnya pelbagai bentuk varian dalam dialek-dialek. Contohnya bunyi nasal mungkin berasimilasi ke bunyi hentian yang berdampingan dalam Tapangu *yompuhu*, dan bunyi hentian labial mungkin berasimilasi ke bunyi hentian velar yang mengikutinya dalam dialek Duhtu *edakdoʔko*.

Nasal velar di dialek Duhtu *birbiŋi* ‘mencari’ adalah inovasi yang berlaku kemudian dalam dialek ini (bahasa Tsou); bandingkan *biebiimi* (dalam dialek Tapangu) dan bentuk kognat kelompok bahasa Tsouic yang jauh berhubungan, iaitu *k-um-irimi* (dialek Kananaburu) dan *u-a-kirimi* (dialek Saaroa).<sup>7</sup>

### 3. PERCANGGAHAN TRANSKRIPSI DAN MASALAHNYA

Transkripsi yang dibuat ke atas sesuatu dialek yang sama dengan informan yang sama oleh peneliti yang berlainan mungkin berbeza dalam konteks-konteks tertentu. Sesetengah varian dalam transkripsi tidak signifikan dari segi fonologi; sesetengah pula signifikan untuk intepretasi fonologi.

Seperti transkripsi yang dibuat Tung untuk dialek Tsou dengan transkripsi penulis, perbezaan utama transkripsi di antara kami adalah seperti berikut:

(1) ʔ atau ø (2) v atau b (3) u atau ← (atau ə), (4) hentian glottal dan ciri Praglotalisasi (5) Lain-lain. Transkripsi Tsuchida tentang dialek Duhtu pada umumnya mirip dengan transkripsi yang dibuat oleh penulis daripada dengan transkripsi Tung. Setelah mengetahui transkripsi penulis berbeza dengan Tung, penulis pernah menyemaknya dengan penutur Tsou dan mendapati bahawa sebutan mereka agak konsisten dengan transkripsi penulis.

### 3.1 ʔ ATAU Ø

Seperti ulasan Starosta (1969: 443) tentang bahasa Tsou yang diusahakan Tung, *“One problem of transcription...is that of the glottal stop, which is written consistently by Tung in some words and omitted just as consistently in others.”* Secara umumnya, bunyi hentian glottis dicatatkan Tung jika bunyi tersebut wujud berdampingan dengan bunyi konsonan, tetapi beliau mengabaikan bunyi ini sekiranya bunyi tersebut wujud pada posisi antara vokal ataupun awal kata sebelum bunyi vokal.<sup>8</sup> Secara fonetik, terdapat perbezaan kecil di antara dua kelas bunyi hentian glottis ini dan dari segi sejarawi, bunyi ini direfleks dari bahasa Austronesia Purba (PAN) \*k. Berikut ditampilkan perbezaan transkripsi di antara penulis dengan Tung untuk sejumlah leksikal yang sama:

	PAN	Tung	Li	
(1)	*aku	áó	aʔo	‘aku’
	*biCuka	cfúo	cfuʔo	‘perut’ <sup>9</sup>
	*kiRim	iíma	iʔima	‘mencari’
	*kaRaC	eoéóca	Tr. yoʔeoca Dh. roʔroca	‘mengigit’
	*bəRək	fe←←	Tr. feəʔə Dh. fəʔə	‘babi’
(2)	*kiTaʔ	áto	a-ʔto	‘kita’

Item terakhir di atas adalah contoh pengabaian bunyi hentian glottis oleh Tung sekiranya bunyi itu wujud berdampingan dengan konsonan.

### 3.2 B ATAU V

Jenis percanggahan kedua di antara transkripsi Tung dengan penulis termasuk konsonan /b/ dan /v/:

Tung	Li	
húbʔo	huvʔo	‘oren’
abʔú	ávuʔu	‘anjing’
poaabʔú	poaʔáv”u	‘memburu dengan anjing’

(Dh.) cúbru	cuvru	‘panas’
ecb←h←	ecvəhə	‘berat’
toebós←	toevosə	‘ayam hutan’
me←sb←t←	meəsvətə	‘mengukur dengan tangan’
e←sb←t←	eəsvətə	‘memberitahu’

Perbezaan fonetik antara dua konsonan adalah sangat nyata dalam Tsou kerana /b/ adalah bunyi yang dipraglotalkan [ʔb], manakala /v/ tidak. /b/ pada tiga item pertama yang ditranskripsi oleh Tung dapat dijelaskan dengan alasan dipengaruhi oleh bunyi hentian glotis yang mengikutinya.

### 3.3 u ATAU ← (ə)

Jenis percanggahan yang ketiga ialah di antara bunyi vokal belakang tinggi bundar /u/ dan bunyi vokal belakang tinggi tak bundar /←/ (atau /ə/):

Tung	Li		
kél←	kedu	‘buah zakar’ <sup>10</sup>	
smupéu	smupeə	‘mengira’	
fuec←ʔía	fæcəʔia	‘putih’	
ŋóhc←	ŋohcu	‘mengalir, hanyut’	
fúes←	(Tp.) fæesə	‘beras’	Bandingkan: PAN *bəRas
	(Dh.) fərsə		

Perbezaan fonetik antara dua vokal ini sangat kecil dan sedikit. Namun demikian, sekiranya transkripsi yang dibuat oleh Tung adalah tepat, akan diketahui terdapat sekurang-kurangnya satu penjelmaan PAN \*ə yang tidak regular, iaitu PAN \*bəRas > fúes← ‘beras’.

### 3.4 BUNYI HENTIAN GLOTIS DAN BUNYI YANG MENGALAMI PRAGLOTAL

Salah satu masalah yang wujud dalam transkripsi ialah keseragaman. Tung menfonemikkan dua bunyi hentian bersuara yang mengalami praglotal [ʔb] dan [ʔd] sebagai /b/ dan /l/ masing-masing. Namun demikian, beliau gagal menfonemikkan sesetengah bentuk yang mengandungi salah satu konsonan ini. Dengan itu, hasil akhir yang beliau didapati ialah [ʔb] dan [ʔl]. Kesemua ini boleh secara fonetiknya diinterpretasikan sebagai [ʔʔb] dan [ʔʔd] masing-masing, tetapi ciri kelihatan tidak wujud dalam bahasa Tsou.<sup>11</sup> Contohnya, Tung (1964: 508) menyenaraikan *paʔbobochioa* ‘mengajar’, *paʔbón←* ‘menyuap’, *paʔbutáso* ‘didorong untuk berusaha’. Begitu juga dengan *moʔl←* ‘cuaca yang baik’ yang disenaraikan oleh Tung (1964: 495). Bandingkan percanggahan transkripsi seperti berikut:

Tung	Li	
luʔlúku	dudku, duduku	‘jari’
eoeluʔlúku	yodudku	‘subang’
káʔli	kadi	‘lutut’

## 3.5 LAIN-LAIN

Percanggahan yang lain-lain di antara transkripsi Tung dengan penulis adalah seperti:

Tung	Li	
pet←ta	pethəta	‘tingkap’
topúku	topuŋu	‘kolam’
teóeu	(Tp.) ceoyu (Dh.) cɾoru	‘lebah’
tʃãʔa	tʃwaʔa	‘merangkak’
oɾmóe←	oɾmæə	‘nipis’
(Dh.) frɿna	frɿŋna	‘lewat petang’
(Dh.) rmi	remi	‘arak’
(Dh.) fʔúr	fʔure	‘ubi keledek’

Penulis telah menyemak leksikal di atas dengan penutur dialek-dialek Tsou dan menemukan bahawa mereka menyebutkan bentuk dengan konsisten seperti yang ditranskripsikan oleh penulis. Di sini, penulis membuat beberapa catatan tentang hal ini.

Kesemua /p, t, c, k/ pada umumnya adalah bunyi tak aspirasi dalam bahasa Tsou. Tung (1964: 10-11) dengan tepatnya menunjukkan “*that /h/ is structurally independent of its preceding stops is evident in certain inflectional processes as: /mhíno/ : /phíni/ ‘berurusniaga’ (IX-6)*”. Dengan nyata, Tung mengabaikan konsonan /h/ seperti dalam kata ‘tingkap’.

Bentuk /frɿna/ ‘lewat petang’ yang ditranskripsikan oleh Tung kelihatan menyimpangkan dari kekangan umum iaitu bahasa Tsou tidak mengizinkan lebih dari dua konsonan berderet secara berurutan. Bentuk /fʔúr/ ‘ubi keledek’ seperti yang ditranskripsi oleh Tung kelihatan konsonan wujud pada posisi akhir dan tekanan pada akhir suku kata, satu-satunya kekecualian dari segi distribusi. Namun demikian, Tung (1964:20) membahaskan /í/ sebagai vokal apikal (*apical vowel*) yang khas dalam dialek Duhtu, jadi ianya bukan suatu gejala penyimpangan ataupun kekecualian. Vokal apikal /í/ dalam data Tung secara fonetiknya bersamaan dengan [re] dalam transkripsi penulis. Dengan menggunakan transkripsi penulis, masalah salah tafsir dan kekecualian dapat dielakkan.

## V. Perbandingan Transkripsi Tung (1964) dengan Li

Muka surat	Tung	Li	Glos
475,590	húbʔo	huvʔo	'limau'
480,590	kél←	kédu	'organ lelaki'
494,563	mokvó←	mokvóʔə	'hari yang gelap, pening'
511,619	pet←-ta	pethəta	'tingkap'
528,549	sosóea	sósya, (Dh.) sosora	'semut'
534,537	teóua	teoʔúa	'ayam'
540,555	tokueúya	tokeúya	'kupu-kupu'
553,488	meamó←	meaemóʔə	'berterbangan kerana ditiup'
558,529	{ súku 'cakar' suʔkúsi	suʔku suʔkusi	'kaki binatang'
560,526	smupéu	smupéə	'menghitung'
561,444	abʔú	ávʔu	'anjing'
570,502	ŋóhc← 'terapung'	ŋóhcu	'berhanyut'
571,541	tooféihni	toʔoféhni	'mengikut'
571,500	nosiʔiŋi 'di depan'	nosiʔiŋi	'di tepi'
574,491	me←-sb←-t← 'sentuh'	meəsvətə	'mengukur dengan tangan'
575,525	smoet←-e←	smoeʔtəə	'mengantungkan'
576,458	ecb←-h←	ecvəhə	'berat'
576, -	tm←-f←	məf ŋə	'bersembunyi'
577,454	cúbru 'panas'	(Dh.) cuvru	'(panas "benda")'
577,495	múei	múʔey	'panas'
578,512	poaabʔú	poaʔávʔu	'berburu dengan anjing'
579,478	iúpu	iʔúpu	'menyertai'
583,477	iima	(ʔ)iʔima	'mencari'
592,539	toebós←	toevósə	'ayam hutan'
598,471	fúes←	fəesə	'nasi'
608,527	sŋ←-c←	səŋcə	'lurus'
611, -	ekiék	ekiéki	'mencarik'
614,519	pueueúa	pueueuʔa	'jerat'
446, 578	ao	aʔo	'aku'
614, -	smo←-e←-e←	smoʔəeəʔəeə	'bergetar'
617,534	teóeu	ceóyu	'lebah'
617,445	aiiihosi	aiʔiʔihosi	'memakai pakaian'
618,495	moʔtó←	moʔtoʔə	'menyemai di ladang'



620, -	titpósu ‘menulis’	tmopsə ‘menulis’	
		titposə ‘menggunakan buku atau alatulis’	
545,579	ue	ʔue	‘rotan’
541,580	topúku	topúŋu, topŋu	‘kolam’
562, 544	ua	ʔua	‘rusa’
527,562	sn←máso ‘sejenis rusa’	snumaso ‘rusa jantan’	
470,592	fe←←	feəʔə	‘babi’
544,555	uachúmu	ʔuachumu	‘kerbau’
535,561	tfáʔa	tfwaʔa	‘burung gagak’
540,570	toivováa	toivaʔvaʔa, toivaʔvaha	‘pepatung’
493,586	moeócə	moʔeócə	‘nyamuk’
449,574	bái	báʔi	‘nenek’
503,597	oáhŋ←	ʔoahŋə	‘saudara’
482,569	luʔlúku	dudku, duduku	‘jari’
452,608	cfúo	cfúʔo	‘perut’
471,569	fəə	fəʔə	‘nanah’
477,558	iihósa	ʔiʔihósa	‘pakaian’
462,599	eoeluʔlúku	eoedudúku	‘subang’
462,553	eoeóca	yoʔeóca	‘menggigit’
462, 555	eohóə	eohóʔə	‘memanggil’
516,551	poéŋn←	poʔéŋnə	‘menyalak’
483,562	máe	máʔe	‘menggali’
503,567,582	oef←←	oefəʔə	‘gugur’
547,594	zotpúu	zotpúʔu	‘menumbuk padi’
543,598	tueóh←	tuʔeóhə	‘menanggalkan’
{496,594	{(e)m←a	{(e)məʔa	‘tumbuhan’
{461	{em←i	{eməʔi	
468,611	{e←sb←t←	{eəsvətə	‘memberitahu’
	{e←sb←sb←t←	{eəsvəsvətə	
490,510,608	meoeói (peoeóza)	meoʔeói (peoʔeóza)	‘mencuri’
543,610	tusiŋi	tusiʔŋi	‘menyapu’
465,610	euoféo←	youféoʔə	‘bengkak’
494,616	motéo	mooteo	‘menunggu’
516,617	poec←o	poecəʔo	‘bangun’
484,553	máem←	maeəmə	‘pahit’
443,555	aapaeó←	aapaeóʔə	‘pecah, hilang’
	aapapaeó←	aapapaeoʔə	
451,563	cái, cáʔi	cáʔi	‘kotor’
500,606	noínʔi	noeʔinʔi	‘lembut’
553,548	tatáe	tatáʔe	‘kagum’
499,583	noanáo	noanáʔo	‘lama’
480,594	koéi	koéʔi	‘sopan, malu’
502,595	ŋaŋhó←	ŋaŋhoʔə	‘hamil’
	ŋhó←	ŋhóʔə	

503,612	ocmóe←	ocməyə	‘nipis’
481,553	kuaóŋa	kuaʔóŋa	‘hitam’
471,618	fuec←ʔia	fæccəia	‘putih’
503,588	óa	oʔa	‘bukan’
503,588	oamócu	oʔamócu	‘belum’
448,617	áto	áʔto	‘kita’
444,579	aeumóna	aʔeumóna	‘di dalam’
20	frŋna	fréŋna	‘lewat petang’

#### VI. Pembetulan terhadap Glos dalam Tung (1964)

Halaman	Tsou	Tung	Li
463,549	eósk←	‘siku’	‘tumit’
471,586	fuefú”u	‘lumpur’	‘pasir’
536,584	timéo	‘kutu di badan’	‘pinjal’
547,603	zotáeo	‘menembak dengan Senapang’	‘bersembunyi untuk menunggu bintang buruan muncul’
524,548	skúfu	‘di atas’	‘di bawah’
551	tvofúesa	‘paip buluh untuk menyimpan padi’	‘buluh...’
	tvosíeva	‘buluh...garam’	‘buluh...’
554	tʔóeKa	‘susu’	‘dada’; bandingkan nunŋu ‘susu’
569,470	fóra	‘mencari’	fóea ‘menyemak’
573	akʔeŋ←ca	‘dewa’	‘guntur’
599,464	euási	‘bumbung’	yuwa-si ‘galang’
605,449	bumemeál←(a)	‘dengan cekapnya’	‘secara berhati-hati’
607,544	tvóe←	‘memerah’	‘tvaʔóeə ‘penuh sesak’
609	ŋóveo	‘bodoh’	‘susah’
614	aotʔotʔóu	‘bergigil’	‘mengoncang’
616,541	toŋsóe←	‘menunggu’	‘menunggu dengan risau’
616,542	toupupcíeo	‘tunggu dengan risau’	‘bergegas’

*BHP 50.2:273-300 (1979)*

#### NOTA

<sup>1</sup> Makalah ini adalah semakan dari makalah yang dibentangkan di Seminar dwi-mingguan Institute of History and Philosophy, Academia Sinica, 16 Oktober 1978. Ia merupakan laporan hasil penelitian dari Project on the Investigation of the Austronesian Languages in Formosa, tajaan National Science Council, Grant NSC-66H-03-01 (05), Republic of China. Penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada

- Pang-hsin Ting dan Hwang-cherng Gong atas komen mereka tentang manuskrip ini dan Paul B. Denlinger yang memperbaiki bahasa Inggeris makalah ini.
- 2 Penulis meneliti bahasa Tsou di kampung Tapangu pada 23-30 Julai 1978. Informan utama untuk dialek Tapangu adalah Uongû Easiungu (nama dalam bahasa Cina, An Chen-cháng 安振昌, 43 tahun), Motoyu Yaisikana (nama dalam bahasa Cina, Mrs An Shih Ying-chu (安石瑛珠), 35 tahun) dan Paicû Yaisikana (nama dalam bahasa Cina, Mrs An Shin Fang-chü (安石芳菊), 35 tahun) untuk dialek Tfuea. Penulis juga berkonsultasi dengan Voe Tiakianû (nama dalam bahasa Cina, Cheng Mao-lin (郑茂霖), 70 tahun) untuk leksikal-leksikal yang jarang digunakan. Penulis mengusahakan dialek Duhtu di kampung Duhtu selama tiga setengah hari, 18-21 Ogos 1978. Informan utama penulis ialah Avai Tenayana (nama dalam bahasa Cina, Chi T'ai-p'ing (吉太平), 74 tahun), satu-satunya penutur Tfuea (masih hidup) yang mengekalkan /r/ dalam penyebutannya. Penulis telah menyemak semua leksikal dalam makalah ini dengan penutur Tfuea yang bernama Yusungu Piyungsi (nama dalam bahasa Cina, Wang Ming-hui 汪明辉, 20 tahun) di Taipei pada 27 Mei dan 27 Oktober 1979.
  - 3 Bunyi /i/ dalam kata *mahizʔo* (dialek Tfuea) dikekalkan mungkin kerana kekangan umum gugusan konsonan (*general constraint of consonant clusters*) dalam bahasa Tsou, di mana ia hanya membenarkan kombinasi konsonan yang tidak melebihi dua konsonan, sehubungan dengan itu, \**hzʔ* tidak dibenarkan. Ia menunjukkan bahawa item ini terlibat dalam perubahan *iz > z > i* selepas konsonan /h/.
  - 4 Kekecualian wujud dalam Duhtu untuk kata *kwafriʔa* 'sejenis tikus', yang dialek Tfuea mempunyai kata *kwafriʔza*.
  - 5 Seperti yang dinyatakan dalam Tsuchida (1976: 84), terdapat tiga kategori penutur di kampung Duthu: (1) mereka yang kerap atau kurang kekerapan mengekalkan /r/; (2) mereka yang tidak menyebutkan bunyi /r/; dan, (3) sebutan mereka bebas untuk menyertakan /r/ atau tanpa /r/. Hanya sebahagian kecil penutur yang tergolong dalam kategori (1) dan kebanyakan mereka adalah golongan yang telah berumur 60 tahun ke atas.
  - 6 Penulis berterima kasih kepada Gong Hwang-cherng atas petunjuk beliau tentang bentuk ini di dalam seminar.
  - 7 Bentuk Kanakanabu dan Saaroa dipetik dari Tsuchida (1976:290). Tanda sengkang ini menunjukkan sempadan morfologi.
  - 8 Bunyi glotis dicatatkan oleh Tung jika bunyi tersebut wujud berdampingan dengan bunyi konsonan, contohnya *húʔo* 'kuku' (hlm 476), *eosuʔúku* 'kesan' (hlm 463), *ʔiataueuŋána* 'nama suku' (hlm 547). Bunyi ini diabaikan oleh Tung apabila ianya wujud berdampingan dengan bunyi konsonan, contohnya, *súku* 'cakar' (hlm 529), di mana *suʔku* menurut catatan saya bermaksud 'kaki binatang, cakar'. Juga, bandingkan dengan Tung *smoet←e←* : Li *smoe''təəə* 'mengantungkan', Tung *toivováa* : *toiva''va''a* 'sejenis serangga-pepatung'. Transkripsi yang dibuat oleh Tung tidak beberapa konsisten, seperti yang didakwa oleh Starosta.
  - 9 Catatan: Metasis dua konsonan pertama dalam Tsou; lihat Li (1972:332).
  - 10 Konsonan /l/ dalam Tung bersamaan dengan bunyi hentian dental /d/ yang dipraglotalkan, iaitu [ʔd] yang ditranskripikan oleh penulis.
  - 11 Pendirian Tung berkaitan dengan hasil ini sangat positif. Dalam bahagian yang membincangkan praglotisasi bunyi hentian bersuara, beliau (Tung 1964:12) menyatakan: "*care must be taken to distinguish the preglottalized /l/ and the consonant*

cluster /ʔ/. Witness: /lulunána/ 'sejenis nama suku': /luʔluku/ 'jari'. No combination of /ʔ/ and /b/ has been found in our material except in a few complex and compound words (1-9)."

Dalam membincangkan distribusi gugusan konsonan, beliau (Tung 1964:17) menyenaraikan /ʔl/ yang terdapat dalam kata /káʔli/ sebagai gugusan konsonan. Yang menarik, beliau tidak menyenaraikan sebarang contoh untuk gugusan /ʔb/ sedangkan di dalam glosari beliau terdapat beberapa kata yang mengandungi unsur ini. Penulis berpendapat bahawa tiada satu daripada gugusan konsonan ini wujud dalam Tsou. Secara fonetik, vokal lemah dapat didengari dengan jelas di antara konsonan dalam sesuatu gugusan konsonan. Penulis tidak mendengar vokal fonetik seperti ini dalam gugusan /ʔb, ʔl/ yang ditulis dalam data Tung.

#### RUJUKAN

- Blust, Robert. 1971. *Proto-Austronesian Addenda*. *Oceanic Linguistics* 9: 104-162.
- Dyen, Isidore. 1971a. The Austronesian Languages and Proto-Austronesian. *Current Trends in Linguistics*, disunting oleh Thomas Sebeok, 8:5-54.
- \_\_\_\_\_. 1971b. The Austronesian Languages of Formosa. *Current Trends in Linguistics* disunting oleh Thomas Sebeok, 8:168-199.
- Ho, Dah-an. 1976. Tsou Phonology. *Bulletin of the Institute of History and Philology*, (Academia Sinica), 47: 245-274.
- Li, Paul Jen-kuei. 1972. On comparative Tsou. *Bulletin of the Institute of History and Philology*, Academia Sinica, 44: 311-337.
- \_\_\_\_\_. 1977. Morphophonemic alternations in Formosan languages. *Bulletin of the Institute of History and Philology*, Academia Sinica, 48: 375-413.
- Lin, Hen-li. 1955. On the Quasi Indirect Passive Voice in the Tsou Grammar in Ali Mountain. *Journal of Chinese Ethnography* 1: 207-216.
- Nevskij, N.A. 1935. *Materialy po Govoram Jazyka Cou*. Moskva: Trudy Instituta Vostokovedenija 11: 136.
- Ogawa, Naoyoshi & Erin Asai. 1935. *Myths and Traditions of the Formosan Native Tribes*. Taihoku.
- Starosta, Stanley. 1969. Review of A Descriptive Study of Tsou, Formosa, oleh T'ung-ho Tung, *Language* 45: 439-444.
- \_\_\_\_\_. 1974. Causative Verbs in Formosan Languages. *Oceanic Linguistics* 13:279-369.
- Tsuchida, Shigeru. 1972. The Origins of the Tsou Phonemes /b/ and /d/ Gengo Kenkyu 46:42-52.
- \_\_\_\_\_. 1976. *Reconstruction of Proto-Tsouic Phonology*. Tokyo: Study of Languages & Cultures of Asia & Africa, Monograph Series No. 5.
- Tung, T'ung-ho. 1964. *A Descriptive Study of the Tsou Language, Formosa*. Taipei: Institute of History and Philology, (Academia Sinica Special Publications, No. 48).

(Sumber asal rencana ini adalah dalam bahasa Inggeris dengan judul *Variations in the Tsou Dialects* dan sudah diterbitkan dalam *Selected Papers on Formosan Languages: 207-228. Vol. I. Language and Linguistics Monograph Series*, number C3. Nangkang (Taiwan): Academia Sinica)

Penterjemah: Chong Shin, Ph D  
Institut Alam & Tamadun Melayu  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi

Emel: chongshin2002@yahoo.com